

# RANLOL TABLETS

Atenolol 50mg

## Apa yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ranlol Tablets
2. Bagaimana Ranlol Tablets berfungsi
3. Sebelum mengambil Ranlol Tablets
4. Cara menggunakan Ranlol Tablets
5. Semasa menggunakan Ranlol Tablets
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan Ranlol Tablets
8. Maklumat Lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Ranlol Tablets

Ranol Tablets digunakan untuk:

- mengurangkan tekanan darah tinggi, iaitu hipertensi
- mencegah angina
- merawat denyutan atau rentak jantung yang tidak teratur yang dikenali sebagai aritmia
- merawat serangan jantung atau mengurangkan risiko komplikasi jantung akibat serangan jantung

Ranol Tablets boleh digunakan secara sendirian atau kombinasi dengan ubat lain untuk merawat keadaan anda.

## Bagaimana Ranlol Tablets berfungsi

Ranol Tablets tergolong dalam kumpulan ubat yang dinamakan penghalang beta.

Ranol Tablets mempengaruhi tindak balas badan terhadap impuls saraf terutamanya saraf yang terdapat di jantung. Akibatnya, ia mengurangkan keperluan jantung terhadap darah dan oksigen. Justeru itu, beban kerja jantung turut dikurangkan. Ranlol Tablets mengendurkan salur darah dalam badan menyebabkan tekanan darah menurun. Ia turut membantu jantung berdenyut dengan lebih teratur.

Tanya doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan

tentang tujuan Ranlol Tablets dibekalkan kepada anda.

Doktor anda mungkin membekalkan Ranlol Tablets untuk tujuan lain.

Ranol Tablets tidak disyorkan kepada kanak-kanak kerana kesan pengambilan ubat ini di kalangan kanak-kanak belum dikaji.

Tiada bukti bahawa Ranlol Tablets menyebabkan ketagihan.

## Sebelum mengambil Ranlol Tablets

### - Bila tidak boleh mengambil Ranlol Tablets

Jangan mengambil Ranlol Tablets jika:

1. Anda menghidap asma atau pernah menghidap asma (sukar bernafas, berdehit dan batuk), bronkitis atau masalah paru-paru lain suatu ketika dahulu.

2. Anda mempunyai keadaan seperti berikut:

- Sejarah masalah alahan termasuklah demam alergi. Simptom-simptom alahan termasuklah ruam, gatal, mata berair atau bersin.
- Denyutan jantung yang sangat perlahan (kurang daripada 45-50 kali/minit)
- Masalah salur darah yang serius sehingga menyebabkan peredaran darah yang lemah pada lengan dan kaki.
- Sesetengah masalah jantung yang lain
- Tekanan darah rendah (hipotensi)

3. Anda alah kepada Ranlol Tablets atau sebarang bahan yang disenaraikan di hujung risalah ini, atau sebarang ubat penghalang beta yang lain.

4. Anda hamil, bercadang untuk hamil, menyusukan bayi atau berhasrat untuk menyusukan bayi. Doktor anda akan berbincang dengan anda tentang risiko dan manfaat menggunakan Ranlol Tablets semasa kehamilan dan menyusukan bayi. Ranlol Tablets

meresap ke dalam susu ibu dan mungkin menjaskan bayi.

Jika anda tidak pasti sama ada ada yang berikut berkaitan dengan anda, periksa dengan doktor anda.

Jangan mengambil Ranlol Tablets jika pembungkusan koyak atau terdapat tanda salahguna.

Jangan mengambil Ranlol Tablets jika tarikh luput yang tertera pada pek telah lepas. Ubat ini tidak akan berkesan selepas tarikh ini.

### - Sebelum mula mengambil Ranlol Tablets

Beritahu doktor anda jika:

1. Anda mempunyai alahan kepada:
  - Sebarang ubat lain, termasuklah ubat mata atau ubat penghalang beta yang lain
  - Sebarang bahan lain seperti makanan, pengawet atau pewarna
  - Sengatan serangga

Ranol Tablets mungkin menyebabkan alahan bertambah teruk atau melambatkan penyembuhan alahan.

2. Anda mengalami atau pernah mengalami sebarang keadaan berikut:

- masalah jantung
- Diabetes
- Kelenjar tiroid terlampaui aktif, yang dinamakan hipertiroid
- Masalah ginjal
- Masalah peredaran

3. Anda menerima:

- Anestetik tertentu untuk prosedur pergigian
- Rawatan kecemasan untuk kejutan atau tekanan darah yang sangat rendah

Jika anda masih belum memberitahu doktor anda mana-mana perkara di atas, beritahu mereka sebelum anda mula mengambil Ranlol Tablets.

### **Jika mengambil ubat-ubat lain**

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Ranlol Tablets boleh bertindak balas antara satu sama lain. Ini termasuklah:

- Ubat penghalang beta yang lain
- Ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi atau angina
- Ubat yang digunakan untuk merawat masalah jantung
- Ubat yang digunakan untuk merawat arthritis, sakit atau inflamasi.

Jika mana-mana ubat ini diambil bersama Ranlol Tablets, keberkesanan ubat-ubat ini akan dipengaruhi. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan. Doktor akan menasihati anda tentang ubat yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa mengambil Ranlol Tablets.

### **Cara menggunakan Ranlol Tablets**

Patuh semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi dengan teliti. Ianya mungkin berlainan daripada informasi di dalam risalah ini.

Jika anda tidak faham sebarang arahan bertulis, dapatkan bantuan doktor atau ahli farmasi anda.

#### **- Berapa banyak harus digunakan**

##### **Hipertensi:**

Dos biasa bermula dari 50mg (1 pil) hingga 100mg (2 pil) setiap hari.

**Angina atau denyutan jantung tidak teratur:**

Dos biasa bermula dari 50mg (1 pil) hingga 100mg (2 pil)

##### **Serangan jantung:**

Dos biasa ialah 50mg (1 pil) diambil 2 kali sehari atau 100mg setiap hari. Sesetengah orang seperti orang tua atau mereka yang mempunyai masalah ginjal, mungkin memerlukan dos yang lebih rendah.

#### **- Bila perlu digunakan**

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda sukar mengingati masa untuk mengambil ubat, sila dapatkan nasihat daripada ahli farmasi anda.

#### **- Berapa lama perlu digunakan**

Ambil Ranlol Tablets setiap hari. Teruskan mengambil Ranlol Tablets sehingga doktor anda menasihati anda berhenti.

Ubat ini membantu merawat tekanan darah tinggi, denyutan jantung tidak teratur, serangan jantung dan mencegah angina tetapi tidak menyembuhkannya.

Jangan berhenti mengambil Ranlol Tablets tanpa berbincang dengan doktor anda.

Doktor anda mungkin menyuruh anda mengurangkan jumlah Ranlol Tablets yang diambil anda secara beransur-ansur. Ini mengambil masa lebih kurang 2 minggu sebelum berhenti sepenuhnya. Jangan berhenti secara tiba-tiba kerana ini akan memburukkan keadaan anda lagi.

#### **- Jika terlupa menggunakan**

Jika kurang daripada enam jam dari dos yang anda terlupa, ambil ubat sebaik sahaja anda teringat, dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa.

#### **- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Ranlol Tablets, hubungi doktor anda atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera. Ini mestilah dilakukan walaupun tiada tanda ketidaksesuaian atau keracunan. Anda mungkin perlu mendapatkan perhatian perubatan yang segera. Simpan nombor telefon ini di tempat yang senang didapati.

Jika anda terlebih mengambil Ranlol Tablets, anda mungkin rasa pening atau pengsan atau sukar bernafas.

### **Semasa menggunakan Ranlol Tablets**

#### **- Perkara yang perlu dilakukan**

Menghadiri semua temujanji doktor anda supaya perkembangan anda dapat diperiksa.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Ranlol Tablets.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil Ranlol Tablets.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mempunyai reaksi alahan kepada sebarang makanan, ubat atau sengatan serangga.

Ranol Tablets boleh menyebabkan reaksi alahan bertambah teruk dan sukar untuk dirawat.

Jika anda menghidapi diabetes, periksa kandungan gula dalam darah dengan tetap dan beritahu doktor anda jika terdapat perubahan.

Ranol Tablets mungkin mempengaruhi diabetes anda. Ia mungkin menyembunyikan simptom tahap gula dalam darah rendah, seperti denyutan jantung yang laju. Kandungan gula dalam darah mungkin mengambil masa yang lebih lama untuk kembali ke paras yang normal walaupun anda mengikut rawatan diabetes seperti biasa. Ubat diabetik anda mungkin perlu ditukar atau dosnya diselaraskan.

Jika anda terus mengalami serangan angina, atau lebih kerap mengalami serangan angina semasa mengambil Ranlol Tablets, beritahu doktor anda.

Ranol Tablets digunakan untuk mencegah angina. Maka, serangan angina anda sepatutnya berkurangan atau tidak teruk.

Jika anda rasa gayang, pening atau pengsan semasa bangun dari tidur atau berdiri, bangkit dengan perlahan-lahan.

Anda mungkin rasa gayang atau pening selepas mengambil Ranlol Tablets. Ini adalah kerana tekanan darah anda menurun dengan mendadak.

Jika masalah ini bertambah teruk atau berterusan, bincang dengan doktor anda.

Petua-petua berikut mungkin berguna untuk membantu badan anda menyesuaikan keadaan perubahan tekanan darah:

- Bangun dengan perlahan-lahan, ketika anda sedang bangun dari katil atau kerusi untuk membiasakan badan anda dengan perubahan kedudukan dan tekanan darah.
- Jika anda rasa pening, duduk atau baring sehingga anda rasa bertambah baik.
- Jika anda rasa pengsan, duduk dan letak kepala anda di antara lutut.

Minum air yang banyak semasa senaman dan ketika cuaca panas apabila mengambil Ranlol Tablets, terutamanya jika anda banyak berpeluh.

Jika anda tidak minum air yang secukupnya semasa mengambil Ranlol Tablets, anda mungkin rasa pening, gayang atau tidak sihat. Pengambilan air sihat yang minimum disyorkan ialah 6-8 gelas sehari.

Jika anda menjalani pembedahan (termasuk pembedahan gigi), beritahu doktor atau doktor gigi anda bahawa anda sedang mengambil Ranlol Tablets.

Ranol Tablets mungkin mempengaruhi sesetengah ubat yang digunakan semasa pembedahan.

Jika anda perlu menjalani sebarang ujian perubatan semasa anda mengambil Ranlol Tablets, beritahu doktor anda.

Ranol Tablets mungkin mempengaruhi keputusan sesetengah ujian.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti mengambil Ranlol Tablets tanpa bertanya dengan doktor anda.

Jangan mengambil sebarang ubat baru bersama Ranlol Tablets, melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri Ranlol Tablets kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan menggunakan Ranlol Tablets untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Ranlol Tablets mempengaruhi anda.

Seperti ubat yang lain, Ranlol Tablets mungkin menyebabkan gayang, pening, letih dan rasa mengantuk di kalangan sesetengah orang.

### Kesan-sesan sampingan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda rasa tidak sihat selepas mengambil Ranlol Tablets walaupun anda fikir masalah ini tidak berkaitan dengan Ranlol Tablets.

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, jangan berhenti mengambil Ranlol Tablets tanpa berbincang dengan doktor anda dahulu.

Seperti ubat yang lain, Ranlol Tablets boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan. Kebiasaannya, kesan sampingan ini adalah ringan dan sementara waktu. Walau bagaimanapun, sesetengah kesan sampingan mungkin serius dan memerlukan rawatan perubatan.

Beritahu doktor anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda:

- Ketidakselesaan perut seperti cirit-birit, sembelit, sakit perut
- Pening, sakit kepala atau berdengung atau berdering dalam telinga
- Denyutan jantung yang perlahan atau tidak teratur
- Hidung berair atau tersumbat
- Sukar tidur, mimpi ngeri

- Reaksi kulit (contohnya, ruam, gatal, psoriasis bertambah serius)
- Jari tangan dan kaki sejuk
- Keguguran rambut
- Kesemutan, kebas atau tidak seimbang semasa berjalan
- Masalah seksual

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana simptom yang berikut:

- Kekeliruan
- Kemurungan atau perubahan mood atau mana-mana tersebut bertambah teruk
- Pemikiran ganjal, khayalan (nampak, rasa atau dengar perkara yang tidak wujud)
- Gayang atau pengsan yang disebabkan oleh tekanan darah rendah
- Kulit dan/atau mata kekuningan (jaundis)

Hubungi doktor anda atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera jika anda mendapati mana-mana kesan sampingan yang berikut:

- Berdehit, dada sesak atau kesukaran bernafas
- Lebam yang tidak dapat dijelaskan
- Bengkak pada muka, bibir atau tekak

Ini adalah kesan sampingan yang serius. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan. Kesan sampingan serius jarang berlaku.

Minta doktor atau ahli farmasi anda menjawab sebarang soalan yang anda ada.

Sesetengah orang mungkin mengalami kesan sampingan yang lain semasa mengambil Ranlol Tablets.

Jangan khuatir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers – Reporting*).

## Cara Penyimpanan dan Pelupusan Ranlol Tablets.

### - Penyimpanan

Simpan pil anda di tempat yang sejuk dan kering pada suhu bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Simpan pil anda dalam peknya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Jika anda mengeluarkan pil daripada peknya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Jangan simpan Ranlol Tablets atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki. Jangan tinggalkan Ranlol Tablets di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan ubat ini di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari berkunci yang tidak dicapai oleh kanak-kanak tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

### - Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Ranlol Tablets atau ubat ini sudah melepas tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

## Maklumat Lanjut

### - Rupa & Warna Produk

Pil bersalut filem, berwarna oren, cembung pada dua belahnya, bergores pada satu permukaan and tertera '50' pada permukaan sebelahnya.

Tablet Ranlol Tablets boleh didapati dalam pek blister 100's dan 1000's.

### - Bahan-bahan kandungan

#### *Bahan aktif:*

Setiap tablet Ranlol Tablets mengandungi Atenolol 50mg sebagai bahan aktifnya.

#### *Bahan tidak aktif:*

- *Colloidal Anhydrous Silica*
- *Methylene Chloride*
- *Microcrystalline Cellulose*
- *Sodium Starch Glycolate*
- *Ethylcellulose*
- *Magnesium stearate.*
- *Opaspray K-1-2433*
- *Hypromellose 50*
- *Lactose*
- *diethyl phthalate*
- *Sodium Lauryl Sulphate*
- *Methanol*

### - No MAL

MAL20040752AZ

## Pengilang

RANBAXY (MALAYSIA) SDN BHD

Lot 23, Bakar Arang Ind. Est.  
08000 Sungai Petani, Kedah.

## Pemegang Pendaftaran Produk

CCM PHARMACEUTICALS SDN BHD (27754-W)

Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan.

## Tarikh Kemaskini RiMUP

25/05/2015

Nombor siri

BPK(R4/1)130515/00101